



MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

PRAKATA

Saya kemukakan di Dewan yang mulia ini buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018 yang mengandungi Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi kementerian dan jabatan untuk melaksanakan program, aktiviti dan projek pembangunan bagi tahun 2018. Anggaran ini merupakan peruntukan bagi tahun ketiga pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program termasuk Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang merupakan satu inisiatif pembangunan negara jangka panjang yang relevan, signifikan dan kena pada masanya, dalam usaha kita untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Pada masa yang sama, dasar-dasar semasa Kerajaan diberikan penumpuan sewajarnya dalam usaha untuk mencapai pertumbuhan yang bermatlamatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

Untuk itu, Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018 akan terus mengutamakan program-program yang berteraskan rakyat atau 'people centric' dan memastikan projek pembangunan yang direncanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dilaksanakan agar kemampuan ekonomi negara terus berkembang. Penekanan akan terus diberikan untuk mengutamakan kesejahteraan rakyat, merancang pelaburan domestik, melonjak sektor perkhidmatan utama, membangun generasi masa hadapan dan memastikan pembangunan negara yang inklusif agar kemakmuran dan kekayaan negara tercinta dapat dikongsi bersama.

Saya yakin maklumat yang terkandung dalam buku ini dapat membantu semua pihak serta menjadi buku rujukan bagi perbincangan bajet tahun 2018.

DATO' SRI MOHD NAJIB
27 Oktober 2017